

KHUTBAH JUMAAT

“MEMELIHARA KEFARDHUAN SOLAT” (12 Februari 2021M/ 30 Jamadilakhir 1442H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّيِّدِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita dikurniakan kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia lebih-lebih lagi di akhirat kelak. Marilah kita bersama-sama mendengar, menghayati dan mengambil iktibar daripada khutbah minggu ini bertajuk :**“Memelihara Kefardhuan Solat”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kadangkala, gaya kehidupan seharian, kesibukan bekerja, mengurus tugas seharian, menjalankan tanggungjawab dan sebagainya yang tidak didasari dengan kehidupan beragama menjadikan kita alpa akan tanggungjawab agung terhadap Tuhan Pencipta iaitu solat fardhu lima waktu. Jangan, jangan sekali-kali saudaraku. Jangan kita abaikan hubungan kita dengan Allah

subhanahu wata'ala Yang Maha Pengasih terhadap hamba-hambanya.

Tuhan yang mengurniakan ruh dalam jasad kita ini, yang menggerakkan tubuh badan ini untuk bekerja mencari rezeki. Tuhan yang mencampakkan rahmat kasih sayang kepada si isteri untuk menyiapkan pakaian suami dan menyuapkan makanan untuk anak-anak. Nikmat kurniaan-Nya tidak terkira wahai saudara-saudaraku. Patutkah kita alpa dan tidak menyembah-Nya!

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Ketahuilah bahawa, hukum solat lima waktu adalah **fardhu ain**. Bermakna, ia wajib ditunaikan oleh **semua orang Islam, yang telah cukup syarat-syarat wajib solat**.

Firman Allah Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ

Maksudnya: “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

Menurut al-Imam Abu al-Husain as-Subki bahawa ayat ini adalah dalil yang mewajibkan solat ke atas sekalian manusia, orang beriman termasuk kanak-kanak. Adapun kanak-kanak yang dimaksudkan di sini ialah *ta'dib* iaitu kewajipan ibu bapa memberi pendidikan wajib terhadap anak-anak sekalipun daripada sudut

hukum wajib solat ke atas mereka masih belum berlaku selagi belum baligh dan berakal.

Daripada Sayyidina Muadz bin Jabal *radhiAllahu anhu* bahawa Rasulullah *sallAllahu a'laihiwasallam* bersabda:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

Maksudnya: “*Tunjang segala urusan adalah Islam dan tiangnya adalah solat.*”

(Hadis riwayat Imam at-Tirmidzi)

Daripada Saiyyidina Abu Hurairah *radiAllahu anhu*, katanya seorang A’rabiyy (Arab dusun) datang kepada Nabi *sallAllahu a'laihiwasallam.*, katanya; "Tunjukkanlah kepada ku suatu amal, yang apabila aku lakukan aku masuk syurga kerananya." Jawab Nabi *sallAllahu a'laihiwasallam.*, "Sembahlah Allah, jangan persekutukan Dia dengan sesuatu. Tegakkan solat wajib dan bayarlah zakat fardu. dan puasalah di bulan Ramadhan." Kata A’rabiyy itu, "Demi Allah yang diri ku di tanganNya, tidak akan ku tambah dari ini." Ketika orang itu telah pergi, Nabi *sallAllahu a'laihiwasallam* bersabda, "Siapa yang senang melihat seseorang dari penduduk syurga, lihatlah orang itu."

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru kepada sekalian muslimin dan muslimat agar memperbaiki dan terus istiqamah dalam memelihara hubungan

dengan Allah *subhanahu wata'ala* selagi kita bernafas di dunia yang singkat ini. Antaranya ialah:

Pertama: Menyedari bahawa semua nikmat yang kita perolehi merupakan anugerah dari Allah *subhanahu wata'ala* dan perlu disyukuri dengan sekurang-kurangnya memelihara kefardhuan yang diperintahkan oleh-Nya dan menjauhi larangan-Nya.

Kedua: Memelihara solat fardhu anda dan memastikan kewajipan tersebut dilaksanakan oleh mereka yang dibawah tanggungan dan lingkungan anda dan mempertingkatkan ilmu berkaitan dengannya kerana kayu ukur utama pada hari penghisaban amalan di hari akhirat adalah solat.

Ketiga: Sering memperingati diri dan keluarga akan kehidupan dunia yang singkat dan fasa kehidupan berkekalan di negeri akhirat supaya terus bermotivasi melakukan ketaatan dan memperbaikinya tanpa ada rasa putus asa kerana seorang yang bergelar mukmin tidak sewajarnya putus asa dari rahmat Allah *subhanahu wata'ala*.

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita semua menjadi hamba-hamba-Nya yang beriman dan terpelihara solatnya serta tergolong dari kalangan beriman dan bertakwa. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Akhirnya, marilah bersama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Muddaththir ayat 42 hingga 47:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ
نُطْعِمِ الْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾ وَكُنَّا نَحُوضُ مَعَ الْخَائِضِينَ ﴿٤٥﴾ وَكُنَّا نُكَذِّبُ
بِیَوْمِ الدِّينِ ﴿٤٦﴾ حَتَّىٰ أَتَانَا الْيَقِينُ ﴿٤٧﴾

Maksudnya: "(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?" Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang; "Dan kami tidak pernah memberi makan orang-orang miskin; "Dan kami dahulu selalu mengambil bahagian memperkatakan perkara yang salah, bersama-sama orang-orang yang memperkatakannya; "Dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan, "Sehinggalah kami didatangi oleh perkara yang tetap diyakini".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan hati kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19. Menangkanlah kami dalam memerangnya.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ
الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.